



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TEKNISYEN KAPAL TINGKAT I (D.4-5 EB.6)
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TEKNISIYEN KAPAL TINGKAT I
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.4-5 EB.6 (\$1,225 - \$1,785 EBKHAS \$1,825 - \$1,985 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 5 atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Teknisyen Kapal Tingkat II atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 6 dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Teknisyen Kapal Tingkat II atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 6 dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam kejuruteraan laut dan mampu mengawasi dan menjalani kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan injin diesel laut.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Teknisyen Kapal Tingkat Khas / Ketua Seksyen ke atas pemeliharaan dan perjalanan injin kapal semasa gerakan menangkap ikan dan juga rawatan semasa bertambat;
2. Membantu Teknisyen Kapal Tingkat Khas / Ketua Seksyen memperbaiki jentera-jentera menangkap ikan;



3. Membantu Teknisyen Kapal Tingkat Khas / Ketua Seksyen bagi menyediakan jadual bagi giliran kakitangan injin *inventory* dan buku stok untuk segala barang-barang yang bersangkutan paut dengan kerjanya;
4. Membantu Teknisyen Kapal Tingkat Khas / Ketua Seksyen dalam kerja-kerja penyelenggaraan bilik injin, jentera-jentera dan peralatan yang berkaitan dalam bilik injin;
5. Membuat dan melaporkan segala kerosakan kepada Teknisyen Kapal Tingkat Khas / Ketua Seksyen;
6. Memastikan dan mengawasi kakitangan bilik injin dalam kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan bilik injin; dan
7. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.